

Tajuk:
**KONFLIK PEMBAHAGIAN HARTA PUSAKA (AL-MIRATH) DAN KRISIS IDENTITI
DALAM INSTITUSI KEKELUARGAAN MASYARAKAT MELAYU: SATU
TINJAUAN DARI PERSPEKTIF ISLAM.**

Pembentang:

1)Muhamadul Bakir Yaakub (PhD)

Kulliyyah Sains Kemanusiaan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)

2)Khatijah Othman

Fakulti Kepimpinan Dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstrak

Isu pembahagian harta pusaka (Al-Mirath) dalam masyarakat Melayu merupakan isu yang perlu diberi perhatian khusus, ini kerana ianya mempengaruhi bentuk pembangunan masyarakat Melayu Islam secara keseluruhannya. Ianya haruslah ditangani dengan bijaksana, tanpa meninggalkan impak negatif, yang menjurus kearah keruntuhkan rumpun bangsa dan identitinya. Sungguh pun sistem Al-Mirath telah banyak diperbahaskan, namun bentuk pelaksanaannya adalah pelbagai dan banyak bercampur baur dengan nilai-nilai berdasarkan kepada adat resam setempat (sama ada bagi tujuan penyesuaian atau pun keperluan-keperluan lainya). Apa yang jelasnya disini, pelaksanaan sistem Al-Mirath di Malaysia tidaklah semudah yang dijangkakan. Kerap kali pula membawa kepada perbalahan keluarga (samaada jauh mahupun dekat). Fenomena inilah merupakan satu konflik yang membawa kepada krisis identiti dalam sesabuah masyarakat. Jelasnya, kajian ini membincangkan bagaimana konflik pembahagian Al-Mirath ini menyebabkan perpecahan hubungan kekeluargaan serta menjelaskan pembangunan struktur identiti diri anggota keluarga yang terlibat. Beberapa kajian kes dianalisa sebagai contoh pembuktian keadaan ini, disamping mengemukakan cadangan-cadangan untuk mengukuhkan institusi kekeluargaan Islam di Malaysia dan sekaligus meningkatkan pembangunan identiti Bangsa Melayu Muslim umumnya.

1. Pendahuluan

Pada 30 september 2005, Utusan Malaysia melaporkan bahawa RM471 juta harta pusaka masih gagal diagihkan kepada para ahli warithnya. Laporan sebegini mungkin memerlukatkan kita semua. Tetapi apakah penyebabnya? Dan bagaimanakah penyelesaiannya? Apakah situasi ini berpunca daripada kejahanan masyarakat berkenaan dengan keistimewaan ilmu Faraid? Apakah hukum Faraid tidak berupaya menyelesaikan permasalahan pembahagian Al-Mirath? Apakah sistem akan menjadi lebih sempurna dengan membuat wasiat dan hibah untuk semua ahli warith? Apakah disana ada juga krisis yang akan berlaku selepas wasiat dan hibah dilaksanakan oleh pewarit?

Sesungguhnya, semua isu yang berkaitan dengan Al-Mirath (terutamanya di Malaysia) adalah merupakan isu yang komplek.¹ Ini kerana masaalahnya sangat beragam dalam realiti kehidupan masyarakat seperti kepentingan peribadi, keperibadian individu secara saikologi dan sociologi. Lantaran itu, jika tidak diurus dengan teliti akan membawa kepada konflik dalam sesabuah keluarga. Bahkan ianya seringkali juga berlanjutan sehingga bertukar kepada krisis besar dalam keluarga. Konflik pembahagian pusaka boleh terjadi sebaik sahaja kematian pewarit dan boleh juga terjadi sebagai kesan sampingan hasil daripada perbicaraan dan proses pembahagian yang dijayakan oleh pehak Mahkamah.² Ini kerana biasanya dalam perbicaraan, setiap ahli waris yang hadir akan diminta bersetuju dengan perintah pembahagian yang telah dikeluarkan oleh Hakim mahkamah. Dengan kata lain, pehak mahkamah bukanlah satu badan penasihat kepada perselisihan yang berlaku dikalangan ahli waris.

Dari sudut yang lain pula, sungguh pun perkara-perkara yang berkaitan dengan pembahagian pusaka semuanya tertakluk kepada hukum syarak seperti yang diperuntukan oleh Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98),³ namun masalah pembahagian harta pusaka yang berlaku dalam masyarakat Melayu (Islam) boleh dianggap agak rumit, kerana wujudnya kepelbagaiannya dalam pelaksanaan pembahagian itu sendiri. Hakikat ini boleh dilihat dengan jelas

¹ . Istilah al-Mirath digunakan khusus dalam kajian ini untuk merujuk kepada pengertian yang lebih umum dan menyeluruh dalam membicarakan persoalan pembahagian PUSAKA, lihat 2.1.1. Pengertian Al-Mirath.

² . Lihat, Harian Metro, 26/5/2009 dengan tajuk “Tidak Telus Urus Harta RM5j milik 400 penama”, dan pada 21/12/2009 dengan tajuk “Berebut Harta Pusaka di Kubur Ibu”; Berita Harian, 17/12/2009 dengan tajuk “...Pinda Peraturan Perlu Kelulusan Suruhanjaya Sekuriti ...”.

dalam kewujudan pengaruh ‘Uruf’ (terutamanya dalam sistem pembahagian yang diamalkan oleh masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan, dimana sistem ini lebih menitikberatkan kepentingan anak perempuan daripada anak lelaki. Apa yang menjadi persoalannya disini, adakah sistem ini bercanggahan dengan hukum syarak? Atau pun hukum Fara’id?).⁴

Didalam Islam, terdapat dalil-dalil yang sangat jelas menggalakkan umatnya mempelajari, memahami dan menguasai ilmu faraid. Antaranya adalah seperti berikut:

1. Firman Allah (swt) dalam surah al-Nisa’ ayat 4-12, yang antara kandongannya ialah:

“..... Allah berwasiyat kepada kamu mengenai (pembahagian harta pusaka) untuk anak-anak kamu, iaitu bahagian seorang anak lelaki menyamai bahagian dua orang anak perempuan. Tetapi jika anak-anak perempuan itu lebih dari dua, maka bahagian mereka ialah dua pertiga daripada harta warisan. Dan jika anak perempuan itu seorang sahaja maka bahagiannya adalah seperdua. Dan bagi dua ibu bapa pewaris, tiap-tiap seorang daripada keduanya seperenam, jika sipewaris mempunyai anak. Tetapi jika sepewaris tidak mempunyai anak, sedang yang mewarisinya hanyalah kedua orang tuanya, maka bahagian ibunya ialah septiga. Kalau pula sepewaris mempunyai adik beradik, maka bahagian ibunya ialah seperenam.....”

2. Sabda Rasulullah (saw):⁵

- a) *"Belajarlah ilmu faraid dan ajarkanlah kepada orang lain kerana ia adalah separuh ilmu. Dia akan dilupakan dan dia akan menjadi perkara pertama dicabut dari umatku", riwayat Ibnu Majah, daripada Abu Hurairah (ra).*
- b) *Pelajarilah al-Quran dan ajarkanlah ia kepada manusia dan pelajarilah ilmu Faraid dan ajarkanlah ia kepada manusia. Sesungguhnya aku adalah manusia yang akan digenggam (diwafatkan) dan sesungguhnya ilmu tersebut akan*

³. Akta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 (Akta 98), Seksyen 12(7).

⁴ . Abdul Halim Zulkifli, 1989, Pembahagian Pusaka di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Kajian Kes-kes Pusaka Menurut Adat dan Faraid, Latihan Ilmiah sarjana Muda,Fakulti Pengajian Islam, UKM.

⁵ . Al-Syawkani, Muhammad Ali (t.th) *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar min Ahaadith Sayyid al-Akhyar*, Juzuk 6, Beirut: Dar al-Fikr, hlm. 168; Wan Abdul Halim, 2008, *Pengurusan dan Pembahagian Harta Pusaka*, DBP: Kuala Lumpur, hlm. 3; Imam Abu Abdillah Muhammad al-Naisaburi, (t.th.), al-Mustadrak ‘ala Sahihaini fi al-Hadith, Juzuk 4, Riyad: Maktab al-Nasr al-Hadith, hlm. 332.

digenggam (dicabut), dan nanti akan timbul fitnah-fitnah, sehingga nanti akan tiba masanya apabila dua orang beselisih mengenai pembahagian harta pusaka, tidak ada orang yang dapat menyelesaikan antara keduanya, riwayat Abdullah bin Mas'ud (ra).

3. Pesanan Syidina Umar (ra):⁶

"Pelajarilah ilmu as-Sunnah, ilmu Faraid dan ilmu Bahasa (Arab) sebagaimana kamu mempelajari al-Quran".

Dan setelah kita menyenaraikan nas-nas diatas, maka sewajarnyalah kita cuba merenungi maksud yang tersirat disebalik yang tersurat dalam nas-nas tersebut. Dan yang terpentingnya adalah dua persoalan berikut:

- a. Apakah yang kita fahami daripada ungkapan **Allah (swt) berwasiat** kepada kita semua? Apakah rujukan nas ini membawa maksud wajib qat'iy keatas setiap umat Islam? Atau disana ada tafsiran yang menerangkan maksud kewajiban syar'iy yang mesti dipenuhi oleh setiap ahli waris ketikamana berlakunya sesuatu kematian dalam sesabuah keluarga Islam?
- b. Apakah yang kita boleh tafsirkan ungkapan yang menyatakan ilmu Al-Mirath ini **dicabut** daripada Umat Nabi Muhamad (saw)? Apakah ianya hanya membawa maksud bahawa Umat Islam akan melupainya? Kenapa boleh lupa? Adakah kerana kejihilan? Adakah kejihilan berkenaan dengan ilmu ini sahaja atau semua ilmu? Jika berkenaan dengan ilmu ini sahaja yang dilupai oleh Umat Islam di Akhir zaman, ini bererti bahawa ilmu ini telah tidak berupaya lagi memenuhi tuntutan keperluan dan kemaslahatan Umat manusia ketika itu. Jika andaian ini benar, kenapa terjadi demikian? Adakah ini bererti bahawa ilmu ini tidak sesuai lagi dengan kehidupan manusia ketika itu? Atau permasalahannya berpunca daripada kelemahan umat Islam sendiri dalam memahami dan memenfaatkan ilmu ini untuk kebaikan dan kemakmuran mereka?

Dari dalil-dalil diatas juga kita boleh menyimpulkan bahawa Islam memerintahkan kita bukan sahaja untuk mempelajari ilmu al-Mirath, tetapi bertujuan supaya kita berupaya untuk mengurus setiap sesuatu yang telah ditinggalkan oleh pewaris kita disepanjang kehidupan kita dengan sempurna dan bijaksana. Kita juga seharusnya memahami bahawa perintah untuk membahagi-bahagikan harta warisan yang ditinggalkan oleh sesorang pewaris Islam telah pun disusun-atur dengan jelas dan tegas di dalam Al Qur'an, dan hukumnya adalah wajib syar'iy. Dan barangsiapa tidak melaksanakannya mengikut peraturan yang dikehendaki oleh syarak maka dia telah pun melakukan satu dosa yang pastinya akan diperhitung di Akhirat nanti. Ini kerana, kegagalan melaksanakan tugas dan amanah ini pasti ianya akan menjadi faktor keruntuhan hidup ahli waris sesorang individu sebagai Khalifah didunia ini. Dari sudut yang lain pula, ianya juga akan menggagalkan usaha ahli waris tersebut untuk mensucikan pengabdiannya kepada Allah (swt) selaku penciptanya.⁷

Secara umumnya, sistem Al-Mirath Al-Islami dipelajari dan dibincangkan dalam bidang fiqh mu'amalah, ia itu satu bidang khusus yang menerangkan tata-cara dan peraturan yang berkaitan dengan kehidupan sesorang manusia dengan masyarakatnya seperti pengurusan harta benda, jual beli, sewaan, pinjaman, penjaminan, pensyarikatan dan seumpamanya. Dengan ini, kita boleh menyimpulkan bahawa Islam dengan sifatnya sebagai agama Fitrah telah menganugerahkan satu sistem pembahagian al-Mirath yang amat terperinci yang merupakan satu rahmat kepada setiap yang beriman ketika berhadapan dengan keperluan mengurus al-Mirath mereka. Ianya satu sistem yang pastinya jika dilaksanakan dengan penuh kefahaman dan bijaksana akan membawa kepada kesejahteraan dan kemakmuran dalam kehidupan dunia dan juga akhirat. Bahkan ianya satu sistem yang bercirikan kepada keperluan semulajadi kehidupan manusia sejagat untuk terus hidup didunia ini dengan jaya dan sempurna.

1.1. Objektif Kajian ini

Diantara objektif utama kajian ini adalah seperti berikut:

- a. Memperkenalkan Al-Mirath sebagai satu sistem pengurusan pusaka secara menyeluruh dan bukannya hanya sekadar hukum pembahagian pembahagian pusaka.

⁶ . Mustafa Al-Khin, Mustafa Al-Bugha dan Ali Al-Syarbah, (t.th) *Al-Fiqh Al-Manhaji*, Juzuk 2, Damsyik: Dar Al-Ulum Al-Insaniah, hlm.269.

⁷ . Lihat surah Saba', ayat 15-16, Al-Nisa'a, ayat 10.

- b. Mengenal pasti implikasi kepincangan pelaksanaan Al-Mirath sistem dalam masyarakat Melayu.
- c. Mengenal pasti bentuk-bentuk krisis identiti yang berlaku dikalangan ahli warith akibat daripada kehilang anggota keluarga (pewaris) dalam kehidupan mereka.

1.2. Persoalan Kajian ini

Diantara persoalan utama kajian ini adalah seperti berikut:

- a) Adakah umat Islam memahami sistem Al-Mirath dengan sempurna?
- b) Apakah komplikasi dan implikasi pelaksanaan sistem Al-Mirath dalam masyarakat Melayu?
- c) Apakah bentuk-bentuk krisis identiti yang berlaku dikalangan ahli warith akibat daripada kehilang anggota keluarga (pewaris) dalam kehidupan mereka?

1.3. Kajian-kajian Terdahulu

Seperti yang kita ketahui, persoalan Al-Mirath ini bukanlah merupakan isu baru dalam realiti masyarakat manusia disepanjang zaman dan disetiap tempat. Lantaran itu banyak kajian yang telah diusahakan oleh tokoh-tokoh ilmuan dan juga para pengkaji. Di Malaysia, terdapat beberapa kajian yang berkaitan secara lansung dengan persoalan pelaksanaan sistem Al-Mirath dalam realiti masyarakat Islam Malaysia. Antaranya ialah seperti berikut:

1. Pada tahun 1969, Azizah Kassim mengemukakan satu kajian ilmiah di Universiti Malaya dengan tajuk “Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Negeri Sembilan”.
2. Pada tahun 1989, Abdul Halim Zulkifli, membuat kajian ilmiah bertajuk “Pembahagian Pusaka di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Kajian Kes-kes Pusaka Menurut Adat dan Faraid” di Fakulti Pengajian Islam, UKM.
3. Pada tahun 2005, Jasni bin Sulong mengemukakan satu kajian ilmiah di akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya bertajuk “Undang-undang Pusaka Islam: Kajian Terhadap Pembaharuan Undang-undang dan Aplikasinya di Malaysia”. Kajian ini

membincangkan kedudukan mazhab Syafi'i dalam amalan pembahagian pusaka dan wasiat Islam di Malaysia.⁸

4. Pada tahun 2008, Mohd Ridzuan Awang membentangkan satu kertas kerja bertajuk Faraid: Manifestasi Kesumulan Pengurusan Harta dalam Islam, dalam Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008, Anjuran Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bertempat di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.
5. Dan disana ada lagi pelbagai kajian yang berkaitan dengan ilmu Faraid secara umumnya, antaranya ialah; a) kajian bertajuk “Keindahan Matematik dalam Penyelesaian Faraid” yang telah dihasilkan oleh Ahmad Abd Majid, Abd. Rahni Mt. Piah, di Pusat Pengajian Sains Matematik, USM: Pulau Pingang. (<http://maths.cs.usm.my/faraid>). August 2011), b) kajian bertajuk “Isu-isu Sosiologikal dalam Pembahagian Harta Pusaka dan Harta Sepencarian di Pulau Pinang dan Kedah” yang telah dibentangkan oleh Jamilah Karim Khan pada 1989 di Bengkel Undang-undang Syarak dan Sivil: Perkembangan, Pelaksanaan dan Kedudukan Wanita Islam, Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang.

2. Metodologi

2.1 Bentuk Kajian

Oleh kerana persoalan Al-Mirath ini bukanlah satu persoalan baru, maka kajian ini dimulakan dengan membuat penilaian menyeluruh keatas konsep al-Mirath seperti yang terdapat dalam kajian-kajian yang terdahulu. Untuk tujuan ini juga, kajian ini membentangkan definisi al-Mirath dengan cara yang agak detail. Seterusnya, kes-kes yang berkaitan dengan fenomena konflik pembahagian al-Mirath dikumpulkan melalui temubual lansung dengan mereka yang terlibat dan dijadikan sebagai data utama kajian ini untuk dianalisa dan diteliti secara menyeluruh serta disokong oleh maklumat sokongan melalui temu bual dengan pihak-pihak yang terlibat secara langsung dan juga tidak langsung bagi memahami realiti sebenar cetusan sesuatu kerisis.

2.1.1 Pengertian Al-Mirath

⁸ . Jasni Sulong, “Kedudukan Mazhab Syafi'i dalam Amalan Pembahagian Pusaka di Malaysia”, Jurnal Syariah Jil. 16, Bil 1 (2008), 163-183.

Al-Mirath berasal daripada perkataan Arab *warasa* yang bermaksud “mewarisi”. Ianya digunakan sebagai satu istilah yang merujuk kepada Ilmu al-Mirath yang juga dikenali sebagai ilmu al-Faraaid dan ilmu al-Tarikah. Sungguh pun begitu, daripada penganalisaan bahasa Arab, disana ada sedikit perbezaan antara istilah-istilah diatas. Contohnya, istilah al-Faraaid adalah satu perkataan jamak kepada perkataan Faridhah yang membawa maksud “kadar yang ditentukan”. Sementara perkataan al-Tarikah pula adalah bermaksud sesuatu yang jadi tinggalan.⁹ Ini bermakna, istilah al-Faraaid adalah lebih khusus kepada penentuan dan pengiraan pembahagian pusaka berbanding dengan istilah al-Mirath yang bersifat umum dan meliputi persoalan kekeluargaan.

Daripada keterangan diatas, istilah al-Mirath, al-Tarikah dan al-Faraaid adalah merujuk kepada peraturan dan tata-cara pembahagian “Harta Pusaka” yang telah ditinggalkan oleh pewarit (ia itu simati), sama ada ianya berbentuk zat atau pun nilai dan lainnya, semuanya haruslah dibahagikan kepada setiap ahli waris yang berhak mewarisinya.¹⁰ Dari sini kita boleh mengertikan al-Mirath al-Islami sebagai satu peraturan dan tata-cara pengurusan Harta Pusaka yang berorentasikan konsep-konsep yang unik, realistik dan sempurna. Ianya merupakan satu sistem yang lengkap, yang telah diturunkan oleh Allah swt sebagai rahmat kepada hamba-hambanya yang beriman. Ianya satu sistem yang diturunkan khas bagi tujuan mengajar mereka bagaimana sewajarnya mereka memproses peralihan hakmilik harta simati kepada setiap ahli warisnya yang diiktiraf oleh syarak dan mengikut kadar (Fara'id) yang telah ditentukan oleh syarak. Daripada perbincangan diatas kita boleh merumuskan bahawa warisan yang ditinggalkan oleh pewaris kepada ahli warisnya dalam dua keadaan yang berikut:

1. Hak-hak warisan yang perlu diwarisi oleh ahli waris.
2. Amanah kewajiban yang perlu diurus dan disempurnakan oleh ahli waris.

Dengan kata lain, ahli warith adalah mereka yang bertanggongjawab mengurus pewarit dan setiap warisan yang ditinggalkannya kepada ahli waris. Ini bermakna, bukan sahaja dalam bentuk pembahagian dan pengagihan harta warisan yang ditinggalkan oleh pewaris kepada setiap ahli waris, sebaliknya setiap ahli waris haruslah bertanggongjawab mengurus keluarga pewaris

⁹. Mohd Redzuan Awang, Faraid: Manifestasi Kesyumulan Pengurusan Harta dalam Islam, Prosiding Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008, JAKIM : Kuala Lumpur.

yang masih hidup.¹¹ Dengan ini juga, ketikamana berlaku kematian sesaorang Islam maka wajiblah keatas ahli waris menerima hak-hak pewarisan yang memungkinkannya untuk menyempurnakan amanah dan kewajiban yang telah ditinggalkan oleh pewarit kepada ahli warith. Dengan adanya penerimaan hak-hak tersebut, maka terbentuklah pula kewajiban-kewajiban dan amanah yang mesti dipikul oleh setiap ahli warith.

2.1.2 Ciri-ciri Al-Mirath Al-Islamiy

Al-Mirath sebagai satu sistem pembahagian harta pusaka secara Islam mempunyai ciri-ciri dan karakteristiknya yang terendiri yang tidak dimiliki oleh mana-mana sistem pewarisan yang lain. Dengan kata lain, dalam sistem pewarisan Islam terdapat beberapa asas, yang memperlihatkan bentuk dan karakteristiknya yang tersendiri. Asas-asas tersebut berkaitan dengan tuntutan peralihan harta warisan daripada pewarit yang telah mati kepada ahli warith yang masih hidup, juga berkaitan dengan tata-cara pemilikan harta warisan oleh yang diterima, serta kadar jumlah bersama dengan kualiti dan kuantiti harta yang akan diterima oleh ahli warith. Antara asas-asas yang paling utama ialah tiga seperti dalam jadual berikut:

Bil.	Jenis	Keterangan Asas
1	Ijbari	Sistem pengurusan al-Mirath mestalah berlaku secara lansung menurut garis-panduan yang telah ditetapkan oleh Allah swt. Ini bererti, proses pengurusannya bukanlah dipengaruhi oleh kehendak sepewaris ataupun permintaan daripada sesetengah ahli waris. Hakikat ini boleh dilihat daripada beberapa aspek, antaranya seperti berikut: <ol style="list-style-type: none">Aspek peralihan hak pengurusan.Aspek kuantiti bilangan yang perlu dipindahmilikan.Aspek status ahli waris yang layak dipindahmilikan kuasa pengurusan warisan tersebut.

¹⁰ . Khatib, Al-Syarbini, *Mughni al-Muhtaj*, Kitab al-Faraaid, jld.3, hlm.36; al-Fatawa Dar al-Ifta' al-Islamiyyah al-Misriyyah, jld.19, Fatwa Nombor 2313, hlm.7029-7030.


¹¹ . Muhammad Ali Ash Shabuniy, *Al-Mawarist Fisy-Syar'iyyatil Islamiyah 'Ala Dhauil Kitab Was Sunnah*, diterjemahkan oleh Sarmin Syukur (*Hukum Waris Islam*), Al Ikhlas, Surabaya, 1995, hal. 49.

2	Takaful	Nilai takaful boleh difahami daripada konsep semua ahli waris mempunyai hak untuk mendapat sebahagian daripada warisan sepewaris yang telah mati (seperti yang tersurat dalam nas Al-Quran). Ini bermakna bahawa pemindahmilikan itu berlaku dengan tujuan supaya berlakunya takaful antara ahli waris yang akan meneruskan perjuangan hidup dalam sabuah keluarga yang bahagia dan terbela.
3	Keadilan seimbang	Sistem pengursuran al-Mirath memperlihatkan satu hakikat yang unik, dimana ukuran yang mendasari status mengklasifikasikan sesorang ahli waris mengikut tuntutan keadilan seimbang dan bukannya keadilan pincang. Ini bermakna, setiap ahli waris yang menerima peruntukan yang lebih besar daripada al-Mirath, maka sewajarnyalah ahli waris tersebut sedar yang dia sebenarnya memikul tanggongjawab pengurusan warisan lebih besar daripada mereka yang lain. Sebagai contoh, ahli waris lelaki menerima kadar dua kali ganda daripada ahli waris perempuan. Maka apakah rahsia disebalik keistimewaan ini?

Jadua 1: Tiga Asas Utama Struktur Sistem al-Mirath

Dari sudut yang lain pula, al-Mirath merupakan satu sistem yang bersumberkan sumber-sumber yang jelas seperti dipaparkan dalam gambarajah disebelah:

Keempat-empat sumber diatas adalah merupakan panduan yang mendasari kehidupan setiap Muslim. Hakikat ini termasuklah juga dalam hal yang berkaitan dengan Al-Mirath, dimana sumber asasi yang mestilah dirujuk ialah Al-Quran Al-Karim, kemudian Al-Sunnah Al-Nabawiyyah. Kedua-dua sumber utama itu mestilah pula difahami dengan sempurna berlandaskan kepada konsep-konsep Fiqh Islamiy serta mengambil kira juga sumber-sumber pengalaman setempat yang dikenali dengan Al-Fatawa Al-Mahalliyyah.



Rajah 1: Empat Sumber Al-Mirath

Dengan ini juga, ianya merupakan tanggongjawab yang mesti dipikul oleh setiap umat Islam untuk mempelajari setiap sesuatu hukum sebelum melaksanakkannya dalam kehidupan kita.

2.1.3 *Intisari Al-Mirath Al-Islamiy*

Setiap sesuatu berkenaan dengan pembahagian pusaka warisan, ianya haruslah mendapatkan persetujuan daripada semua ahli waris yang terlibat. Dengan kata lain, bilamana terdapat sesorang daripada ahli waris yang tidak meristui apajua bentuk pelaksanaan al-Mirath maka proses pelaksanaan tersebut secara lansung adalah terbatal. Hakikat ini perlu difahami dengan jelas, ini kerana apa jua perkara yang berkaitan dengan harta warisan selalu mempunyai potensi merusakan hubungan kekeluargaan dan silaturrahim dikalangan ahli waris. Lagi pun pada dasarnya pembagian harta warisan adalah untuk memberi kesejahteraan kepada ahli waris itu sendiri dan bukannya pintu kearah kehancuran.

2.1.4 *Proses Perlaksanaan Al-Mirath Al-Islamiy*

Proses perlaksanaan sistem al-Mirath tidak akan terlaksana tanpa memenuhi ‘Rukun Al-Mirath’ yang berikut:¹²

1. Kematian pewarit harta	2. Kehadiran warith	3. Wujudnya pemilikan sempurna
---------------------------	---------------------	--------------------------------

Jadual 2: Rukun al-Mirath

Jadual diatas menerangkan bahawa proses perlaksanaan al-Mirath akan hanya berlaku apabila berlaku **kematian keatas pewarit** yang memiliki **warithan peninggalan** berserta dengan kehadiran ahli warith yang menuntut untuk mewaritsi pemilikan keatas sesuatu harta peninggalan simati. Kehadiran ahli warith adalah bermaksud kehadiran mereka-mereka yang masih hidup yang mempunyai **ikatan kekeluargaan** yang amat rapat dengan pewarit. Seperti yang kita ketahui bahawa Islam telah mengklasifikasikan ahli warith kepada tiga jenis ikatan kekeluargaan yang berikut:

1.	Ikatan Ashabah.	2.	Ikatan Zawil Furudh.	3.	Ikatan Zawil Arham.
----	-----------------	----	----------------------	----	---------------------

Jadual 3: Jenis Ikatan Kekeluargaan dalam sistem Al-Mirath

Semua mereka ini adalah berhak untuk mewaristi warisan peninggalan selama mana mereka tidak terhijab daripada hak-hak pewarisan seperti membunuh atau memfitnah pewarist. Dan apabila pada saat pewaris meninggal dunia tidak meninggalkan seorang pun ahli waris, maka harta warisannya wajib diserahkan kepada *Baitul Maal* untuk dipergunakan bagi kemaslahatan agama Islam dan umatnya.

Daripada perbincangan diatas juga kita boleh merumuskan bahawa harta warisan yang ditinggalkan oleh pewarist kepada ahli warisnya berada dalam dua ketogori berikut:

1. Hak-hak warisan yang perlu diwarisi oleh setiap ahli waris.
2. Amanah kewajiban yang perlu dipikul oleh setiap ahlo waris.

Ini juga bererti, bahawa setiap ahli waris adalah merupakan mereka yang bertanggongjawab mengurus setiap sesuatu yang ditinggalkan oleh pewarist, sama ada ianya berbentuk kepentingan meterial mahu pun kewajiban sikologi dan sosial.

Seterusnya, bentuk atau pun cara-cara sesuatu pembahagian al-Mirath boleh diproses atau dilaksanakan adalah agak terbuka. Ini kerana ada tiga pilihan yang boleh dipilih oleh ahli waris untuk melaksanakan proses ini seperti yang diterangkan oleh jadual berikut:

Bil.	Jenis	Huraian
1	Pengagihan Fisikal (Kualiti dan Kuwantiti)	Ia itu satu bentuk pengagihan pusaka yang dilakukan dengan cara mengagihkan secara fisikal setiap bentuk “Tarikah” kepada semua ahli waris mengikut kadar fara’id yang telah ditetapkan oleh syarak.
2	Pengagihan Sukarela (Ihsan)	Ia itu satu bentuk pengagihan pusaka yang dilakukan dengan cara menarik diri daripada hak fara’id yang telah ditetapkan oleh sharak kepada sesaorang ahli waris.
3	Pengagihan	Ia itu satu bentuk pengagihan pusaka yang dilakukan dengan cara

¹². JAKIM, Himpunan Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Berhubung Dengan Isu-isu Muamalat, 2008, Fatwa 17, ms 66.

	Hasil (faedah harta sahaja)	menyerahkan bahagian setiap waris kepada saorang pengurus yang bertanggongjawab keatas segala bentuk penyelenggaraan dan pengagihan hasil harta kepada semua ahli waris mengikut kadar fara'id yang telah ditetapkan oleh syarak.
--	-----------------------------------	---

Jadual 4: Tiga Pilihan dalam Memproses al-Mirath

Jika pada waktu pembahagian al-Mirath kepada ahli waris ada kaum kerabat terdekat dengan pewaris (iaitu Zawil Arham) yang tidak mendapat hak Fardhu mahupun Asobah (seperti anak angkat, anak yatim ataupun kerabat yang miskin), namun mereka hadir dalam majlis pelaksanaan Al-Mirath, maka sewajarnyalah mereka diberikan sedikit daripada harta peninggalan pewaris sebelum dibahagikan kepada ahli warith yang lain.¹³

2.2 Penganalisaan Data Kajian

Sepertimana yang telah diterangkan dalam seksion 2.1 bahawa bentuk kajian ini adalah dimulakan dengan membuat pemahaman yang menyeluruh berkenaan dengan konsep al-Mirath. Dengan berpandukan kepada pemahaman tersebut, kes-kes yang berkaitan dengan konflik pembahagian pusaka telah dikumpulkan untuk dianalisa bukan sahaja secara pemerhatian, tetapi juga melalui temubual lapangan. Jadual berikut merupakan satu senarai kes-kes yang telah pun dikumpul dan dianalisa secara lansung bagi menentukan bentuk konflik dan krisis yang berlaku.

Bil/ Tempat	Latarbelakang Konflik (Telah diubah suai)	Latarbelakang Krisis
1./ Maran Pahang	1. Bapa meninggal dunia, 2. Waris 'Asobah: 5 anak lelaki. 3. Waris bukan Zawil Fardh: 1 adik angkat	Tiada konflik dan tiada juga krisis indentiti.

¹³ . Zawil arham akan mendapat warisan peninggalan dengan dua syarat: Tidak adanya ashabul furudh selain suami-isteri, dan tidak adanya ashobah. Pembahagian Al-Mirath terhadap zawil arham dilakukan dengan cara melihat kedudukan setiap saorang daripada mereka menduduki tempat tertentu yang menjadi penghubungnya dengan pewarit, kemudian barulah hasilnya dibahagikan kepada mereka, maka apapun bahagian yang didapat oleh penghubung, itulah yang akan mereka dapat (lihat surah Al-Nisa, ayat 8).

	<p>perempuan</p> <p>4. Pembahagian harta selesai mengikut perlaksanaan hukum Faraid</p>	
2./ Maran Pahang	<p>1. Bapa meninggal dunia.</p> <p>2. Waris Fardhu: 1orang isteri.</p> <p>3. Waris ‘Asobah: 3 anak lelaki : 5 perempuan.</p> <p>4. Bapa telah menghadiahkan sebahagian harta kepada sebahagian ahli waris secara tidak rasmi.</p>	<p>Pembahagian harta tak selesai dengan Faraid, tetapi pengurusan harta berterusan mengikut pemberian sibapa semasa hidup. Berlaku konflikasi Al-Mirath yang membawa kepada krisis kekeluargaan yang berpanjangan.</p>
3./ Pasir Mas Kelantan	<p>1. Bapa meninggal dunia.</p> <p>2. Waris Fardhu: 1orang isteri (Kedua).</p> <p>3. Waris ‘Asobah: 2 anak lelaki (Sebapa) : 1 perempuan (Sebapa).</p> <p>4. Bapa telah memindahkan sebahagian harta kepada sebahagian ahli waris semasa hayatnya.</p> <p>5. Anak lelaki tidak mengiktiraf pemilikan harta yang diperolehi oleh ahli waris yang lain. Ini kerana pemberian itu berlaku diatas pengaruh isteri (kedua) si-pewarit (ia itu bapa).</p>	<p>1. Pembahagian harta tidak selesai dengan Faraid, tetapi selesai dengan pemberian sibapa semasa hidup.</p> <p>2. Sungguh pun tiada konflik dalam pembahagian Al-Mirath, tetapi berlaku krisis identiti dalam kekeluargaan.</p> <p>3. Anak lelaki hilang identiti ‘Asobah dalam proses pelaksanaan Al-Mirath.</p>
4./ Kuantan Pahang	<p>1. Bapa meninggal dunia.</p> <p>2. Waris Fardhu: 1orang isteri. : 1 orang ibu.</p> <p>3. Waris ‘Asobah: 2 anak lelaki. : 2 perempuan.</p> <p>4. Bapa telah mendapat semua hartanya hasil daripada pemberian si-ibu yang masih hidup.</p> <p>5. Konflik Al-Mirath berlaku, sekalipun</p>	<p>Implikasinya:</p> <p>1. Isteri menjadi ibu tunggal kepada 4 orang anak.</p> <p>2. Isteri menjadi pengurus (Al-Wasiy) kepada waris ‘Asobah. Dia beranggapan tugasannya adalah satu amanah syar’iy yang perlu</p>

	<p>mahkamah telah memutuskan pembahagian Al-Mirath mengikut hukum Faraid. Ini kerana pemilik asal harta beranggapan harta pewaris tidak sah untuk dilaksanakan hukum Faraid, dan menuntut dikembalikan harta tersebut kepada pemilik asal yang masih hidup ia itu ibu pewaris.</p>	<p>dilaksanakan dengan penuh tanggongjawab untuk masa depan anak-anaknya.</p> <ol style="list-style-type: none"> 3. Ibu menumpang dirumah salah saorang anak perempuannya. 4. Anak lelaki sulung merajuk hati.
5./ Kuala Terengganu	<ol style="list-style-type: none"> 1. Dua orang adik beradik meninggal dunia secara serentak. 2. Setiap seorang daripada mereka meninggalkan wang simpanan berjumlah RM90,000. 3. Kedua-duanya mempunya Waris Fardhu :1 ibu, :1 anak perempuan (=2 orang). 4. Waris 'Asobah: 1 bapa saudara. 5. Menurut pandangan Mazhab Hanafi, Maliki dan Syafi'i, harta tersebut akan diwarisi oleh waris fardhu ia itu ibu dan anak-anak perempuan mereka tanpa mengambil kira bahagian saudara yang meninggal bersama. Dalam hal ini, anak perempuan mereka akan menerima 1/2 atau RM45,000 setiap seorang manakala ibu akan mendapat 1/6 atau RM15,000 daripada jumlah wang simpanan anak pertama dan anak kedua. Manakala selebihnya iaitu RM30,000 akan diperolehi oleh bapa saudara sebelah bapa mereka sebagai 'asobah yang mengambil lebihan 	<ol style="list-style-type: none"> 1. Si ibu tidak hidup bersama dengan kedua-dua anak lelakinya dan kedua-dua cucu perempuannya (simati dan anak perempuan mereka). 2. Anak perempuan tidak punya sumber pendapatan selepas kematian ayahnya. 3. Bapa saudara tidak ada peranan dalam kehidupan pewaris dan juga anak perempuannya. 4. Anak perempuan tidak redha dengan keputusan Hakim yang membahagikan harta warisan kepada Nenek dan juga bapa saudara mereka yang merupakan orang luar dalam kehidupan mereka.

	harta pusaka.	
6./ Kulai Johor	<p>1. Bapa meninggal dunia.</p> <p>2. Waris ‘Asobah: 1 anak lelaki. : 2 perempuan.</p> <p>4. Bapa telah meninggalkan sedikit harta yang kemudiannya dibahagikan mengikut hukum Faraidh, ia itu, anak lelaki mendapat sama bahagian dengan dua orang anak perempuan.</p> <p>5. Konflik Al-Mirath tidak berlaku dalam bentuk pelaksanaan Al-Mirath, tetapi berlaku dalam bentuk pengurusan harta pewaris.</p>	<p>1. Kedua-dua anak perempuan hilang kuasa mengurus harta pewaris (identiti pengurusan) yang sebelum ini mereka miliki.</p> <p>2. Anak lelaki telah menjual bahagian pemilikannya kerana terlibat dengan dadah.</p> <p>3. Anak lelaki datang mengemis kepada anak perempuan dari masa kesemasa untuk sesuap nasi sebaik sahaja hartanya habis.</p>
7./ Gombak Selangor	<p>1. Bapa belum meninggal dunia.</p> <p>2. Isteri belum meninggal dunia.</p> <p>3. Waris ‘Asobah: 1 anak lelaki. : 2 perempuan.</p> <p>4. Bapa telah menyerahkan hartanya kepada warith ‘Asobah untuk membuktikan kasih sayangnya kepada mereka.</p> <p>5. Bapa dan isterinya jatuh sakit, selepas keluar hospital mereka tidak mahu pulang kerumah mereka kerana anak-anak mereka sibuk dengan pekerjaan mereka dan tidak ada masa untuk mengurus keperluan kedua ibubapa mereka. Lantaran itu, mereka terpaksa pergi kerumah saudara perempuan mereka.</p>	<p>Implikasinya:</p> <p>1. Saudara perempuan juga terpaksa berkerja setiap hari untuk keluarganya, ini membawa kepada pasangan suami isteri itu beredar kerumah tumpangan orang tua.</p> <p>2. Bapa dan isterinya menjadi ibu-bapa tanpa keluarga.</p> <p>3. Pasangan yang tanpa harta kecuali wang pencen si-suami.</p> <p>4. Pasangan hidup bagaikan dalam buangan, tanpa warith ‘Asobah dan tanpa Zawil Arham.</p>

Jadua 5: Contoh konflik yang membawa kepada krisis

3. Dapatan and Rumusan

3.1. Dapatan Kajian

Daripada perbincangan yang telah dibentangkan dalam kajian ini menemukan beberapa dapatan penting, yang antaranya adalah seperti berikut:

1. Pelaksanaan sistem al-Mirath perlulah berlandaskan kefahaman yang menyeluruh.
2. Pelaksanaan sistem al-Mirath perlulah bertunjangkan kepada keikhlasan yang mutlak kepada Allah swt.
3. Sekiranya pewarit merasakan diantara ahli warith yang bakal mewaris harta warisannya nanti merupakan ahli warith yang bermasaalah, maka jalan yang terbaik ialah dengan menghadiahkan sebahagian daripada harta warisan kepada ahli warith yang sesuai dengannya sebelum pewarit wafat. Pendekatan ini boleh menyelesaikan sebahagian daripada konflik dan juga krisis yang mungkin berlaku dihari muka.
4. Pelaksanaan sistem al-Mirath adalah termasuk dalam bidan pelaksanaan sistem Mu'amalah Islamiy. Ini bermakna setiap aplikasi keatas sesuatu kes mestilah dinilai daripada latarbelakangnya yang tersendiri. Ini juga bermakna Qadhi mempunyai peranan penting dalam mengeluarkan “fatwa khusus” untuk sesuatu kes yang khusus pula mengikut sumber-sumber hukum syarak yang sempurna. Contohnya, antara kaedah Fiqh yang utama ialah “ketiadaan kemudharatan”. Ini bermakna setiap pelaksanaan sesuatu hukum yang jelas akan membawa kepada kemudharatan adalah perlu difatwakan semula bentuk pelaksanaannya, terutamanya dalam menentukan syarat dan rukunnya.

Dari sudut yang lain pula, krisis identiti selalunya berlaku apabila berlaku kematian mengejut kepada ahli warith. Diantara tanda-tanda mereka menghadapi krisis identiti selepas kehilang pewarit adalah seperti berikut:

- a. Mereka hilang keyakinan diri untuk mengharungi kehidupan dimasa-masa mendatang.
- b. Mereka tidak pasti terhadap status diri mereka sendiri dan apa tanggongjawab yang mesti dipikul.
- c. Mereka kelihatannya senentiasa gelisah dan tertekan serta mudah terpengaruh dengan persekitaran.

- d. Mereka kelihatan murung, sukar menyesuaikan diri dengan orang lain dan lebih suka menyendiri.

3.2. Huraian

Secara umumnya, masyarakat Islam (terutamanya di Malaysia) memahami bahawa Syari'at Islam telah pun menyusun tata-cara pembahagian harta warisan dengan adil lagi sempurna. Tetapi, kita harus ingat bahawa definisi adil itu ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya yang semestinya. Ini bermakna, semua kita yang terlibat dalam mengaplikasikan sistem al-Mirath dalam hidupnya, maka kita mestilah meletakkan setiap hukum al-Mirath itu pada tempatnya yang semestinya. Contohnya, apabila Al-Qur'an Al-Karim telah menetapkan hak pemilikan harta warisan untuk sesuatu ketogori dengan kadar yang tertentu, maka kita mestilah memahaminya dengan sempurna, seperti kita bertanya kenapa ketogori dan kadar itu ditentukan? Apa pula syarat-syarat bagi sesuatu ketogori dan sesuatu kadar itu sempurna atau pun terbatal?

Dalam kes (1), tidak ada sebarang konflik dalam pelaksanaan al-Mirath sistem, ini kerana semua ahli warith adalah ‘Asobah yang sempurna, yang tidak menghadapi sebarang krisis dengan kematian pewarit. Tetapi dalam kes (2) dan (3) pemberian yang dibuat oleh pewarit semasa hayatnya telah memberikan banyak penyelesaian kepada konflik ahli warith. Ini kerana tidak ada diantara ahli warith yang terabai daripada harta warisan. Ada pun krisis yang berlaku adalah merupakan reaksi peribadi yang pastinya tidak akan berakhir disepanjang sejarah manusia.

4. Kesimpulan

Al-Mirath sebagai satu sistem adalah merupakan satu persoalan penting dalam kehidupan umat Islam, terutamanya dalam kedudukannya sebagai sabuah masyarakat contoh kepada seluruh umat manusia. Hakikat ini dapat difahami dengan jelas daripada penditilan yang dibuat oleh Allah (swt) dalam Al-Quran Al-Karim. Ianya juga dapat difahami dengan menganalisa contoh-contoh konflik dan krisis yang dipaparkan oleh kajian ini. Setiap sesuatu berkenaan dengan pemberian harta warisan ianya haruslah mendapatkan persetujuan penuh daripada setiap

ahli warith. Dengan kata lain, selama mana terdapat dikalangan ahli warith yang merasakan sesuatu yang tidak sempurna dalam pembahagian harta warisan maka apa jua yang diperoleh oleh sesorang ahli warith tidak akan ada barakahnya. Ini kerana apa jua bentuk bantahan dikalangan ahli warith akan membawa kepada konflik. Setiap konflik pastinya akan membawa kepada krisis demi krisis jika tidak diselesaikan dengan baik dan bijaksana.

Rujukan

- Abdul Kadir Ismail, 1983, Sistem Pusaka Islam, Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Abdul Halim Zulkifli, Pembahagian Pusaka di Kalangan Masyarakat Adat Perpatih di Negeri Sembilan: Satu Kajian Kes-Kes Pusaka Menurut Adat dan Faraid,
- Azizah Kassim, 1969, “Kedudukan Wanita di dalam Masyarakat Melayu Beradat Perpatih Negeri Sembilan”, Latihan Ilmiah Universiti Malaya.
- Kamarul Zaman Habib, “Sistem Pembahagian dan Pengurusan Pesaka di Semenanjung Malaysia”, Kertas Kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan di UKM, 4-5 Jun 1983.
- Wan Mohamed Wan Mustapa, Hakim Mahkamah Tinggi Sabah) “Pentadbiran Harta Pesaka Kecil Orang-orang Islam”, Kertas Kerja Seminar Faraid Peringkat Kebangsaan di UKM, 4-5 Jun 1983.